

PM bentang prestasi Ekonomi MADANI setiap kementerian

Pencapaian setahun diumumkan pada Program MADANI Rakyat 2024 Zon Selatan 17 Ogos ini

Oleh Zanariah Abd Mutalib
zanariah_mutalib@bh.com.my

Kuala Lumpur: Setiap kementerian akan mengumpulkan data berkaitan prestasi Ekonomi MADANI untuk dibentangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada Program MADANI Rakyat (PMR) 2024 Zon Selatan, 17 Ogos ini.

Menteri Komunikasi, Fahmi Fadzil, berkata beberapa dasar diumumkan selepas setahun Ekonomi MADANI dilancarkan pada Julai tahun lalu termasuk Dasar Gaji Progresif dan kenaikan gaji penjawat awam, selain langkah pemulihan ekonomi serta usaha menarik pelaburan.

"Insyallah, semua kementerian akan cuba kumpulkan data itu dan kita serah kepada Perdana Menteri untuk dibentangkan nanti," katanya selepas Majlis Pelancaran dan Pelepasan Konvoi Kembara Merdeka Jalur Gemilang 2024 Peringkat Wila-

yah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, di sini, semalam.

Sebelum ini, Pengarah Eksekutif Unit Penyelarasan Lonjakan Prestasi, Ahmad Jefry Aziz@Adan, memaklumkan Perdana Menteri akan menyampaikan amanat dan Laporan Setahun Ekonomi MADANI pada majlis penutup PMR 2024 Zon Selatan pada 17 Ogos ini.

Beliau berkata, ia adalah acara kemuncak program itu yang berlangsung pada 15 hingga 17 Ogos di Dataran Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Skudai, Johor.

Fahmi berkata, sejak setahun lalu, di bawah pentadbiran MADANI pimpinan Perdana Menteri, pelaburan ke dalam negara meningkat dan jumlah syarikat pelaburan yang disenarai bagi setengah tahun pertama lebih tinggi, berbanding beberapa negara ASEAN lain.

"Nilai mata wang mengukuhkan, inflasi kekal rendah dan mungkin tidak lama lagi, Jabatan Perangkaan akan terbitkan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar terkini," katanya.

Kerangka Ekonomi MADANI dilancarkan pada Julai tahun lalu, menetapkan tujuh petunjuk prestasi utama sebagai sasaran jangka sederhana untuk dicapai dalam tempoh 10 tahun.

Tujuh petunjuk itu adalah Malaysia berada dalam kalangan 30 ekonomi terbesar dunia, 12 teratas dalam Indeks Daya Saing Global, pendapatan buruh mem-



Fahmi menyempurnakan Majlis Pelancaran dan Pelepasan Konvoi Kembara Merdeka Jalur Gemilang 2024 Peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya di Kuala Lumpur, semalam. (Foto bernama)

bentuk 45 peratus daripada jumlah pendapatan, penyertaan wanita dalam tenaga kerja mencapai 60 peratus, 25 teratas dalam Indeks Pembangunan Manusia, 25 teratas dalam Indeks Persepsi Rasuah dan mencapai kemampuan fiskal dengan defisit fiskal sebanyak tiga peratus atau lebih rendah.

Starlink tetap beroperasi

Sementara itu, Fahmi berkata, pembatalan rancangan pembuatan kenderaan elektrik (EV), Tesla

mengembangkan operasi pengeluaran di rantau ini termasuk Malaysia tidak memberi kesan kepada operasi perkhidmatan satelit Starlink di negara ini.

Beliau berkata, Tesla dan SpaceX yang mengendalikan Starlink milik jutawan, Elon Musk adalah syarikat berbeza.

Baru-baru ini, sebuah portal berita dalam talian Thailand, The Nation yang memetik sumber kerajaan melaporkan Tesla membatalkan rancangan membangunkan kilang di Malaysia,

Thailand dan Indonesia.

Laporan itu turut menyatakan perbincangan Tesla pada masa ini hanya menjerus kepada usaha berkaitan stesen pengecasan dan menggantung rancangan membangunkan kilang bukan saja di Thailand, malah juga di peringkat dunia.

Anwar sebelum ini berkata, kegagalan Tesla bersaing dengan EV dikeluarkan syarikat China, menyebabkan ia membatalkan rancangan mengembangkan operasi pengeluaran di rantau ini.